

# Staf UMSKAL ziarah golongan asnaf

UB 20.7.2014 B4

LABUAN: Staf Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menyampaikan sumbangan kepada golongan asnaf sempena program Ziarah Ramadan 2014 di Kampung Durian Tunjong, Tanjung Aru, Ranca-Ranca Laut dan Gersik / Saguking pada Khamis dan Jumaat lalu.

Pasukan sukarelawan

UMSKAL itu membawa barang keperluan harian untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

Pegawai Psikologi Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) Nur Iman Reedzal mengetuai rombongan berkenaan pada hari pertama di Kampung Durian Tunjong dan Tanjung Aru manakala hari kedua di Kampung Ranca-Ranca Laut dan

Gersik / Saguking diketuai sendiri Ketua Bahagian HEP Sharifah Ismail.

Menurut penyelar program Saradli Arsat rombongan UMSKAL itu mengunjungi sendiri golongan asnaf di empat buah kampung di pulau ini.

“Sambil menyerahkan sumbangan berupa barang keperluan harian, kunjungan itu sebagai bukti warga

UMSKAL tidak pernah melupakan golongan asnaf di Wilayah Persekutuan Labuan,” katanya.

Beliau turut mengucapkan terimakasih kepada Pengarah UMSKAL Prof. Madya Dr. Ismail Ali yang memberikan komitmen yang tinggi sehingga program berkenaan berjaya diadakan.

Saradli turut merakamkan ucapan penghargaan kepada semua ketua jabatan, pegawai dan kakitangan yang menghulurkan sumbangan untuk diserahkan kepada mereka yang layak menerimanya.

“Terima kasih saya ucapkan kepada semua staf yang menjayakan program berkenaan pada 17 dan 18 Julai 2014. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik dan komitmen semua pihak itu,” katanya.

Dua buah van digunakan untuk mengangkut barang makanan bermula dari kampus jam 8.30 pagi dan berakhir kira-kira 10 pagi.

Keseronokan terbayang pada wajah kakitangan yang menyertai misi berkenaan



**SHARIFAH (lima kiri) menyampaikan sumbangan kepada ibu tunggal di Kampung Ranca-Ranca Laut, Jumaat lalu.**

kerana berpeluang menjelajah ke empat buah kampung sekaligus menyerahkan sumbangan kepada golongan terbabit.

Mereka bukan sahaja terharu dengan nasib yang menimpa golongan asnaf tetapi lebih utama dapat menginsafkan diri supaya sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan Allah.

Melalui program itu, ada kakitangan UMSKAL yang pertama kali menjejakkan kaki ke empat kampung berkenaan terutama melalui

jambatan konkrit di Ranca-Ranca Laut.

“Kami berpeluang juga mengenali serba sedikit kampung yang dikunjungi selain mengeratkan hubungan sesama kakitangan,” kata Ketua Bahagian Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar Che Din Md Salleh.

Sementara itu, Dr. Ismail yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah yakin melalui program tahunan itu, ianya dapat mengeratkan hubungan baik antara

UMSKAL dengan penduduk setempat khususnya golongan yang layak menerima bantuan pada bulan Ramadan dan Aidilfitri.

“Kami berharap sumbangan barang keperluan itu dapat meringankan sedikit beban golongan asnaf untuk menyambut Ramadan dan Aidilfitri,” katanya.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan di kampung berkenaan terutama ketua kampung yang membantu melancarkan program itu pada tahun ini.



**NUR Iman (tiga kanan) menyerahkan sumbangan kepada golongan asnaf sambil diperhatikan Saradli (bawah kiri) di Kampung Tanjung Aru Labuan.**